

16 OCT 1997

AEM: ASEAN MENDAYAUSAHAKAN KAJIAN UTK PERDAGANGAN ELEKTRONIK SERANTAU

Oleh: Mohd Rizal Razalli

PETALING JAYA, 16 Okt (Bernama) -- Seruan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Asean mengambil peluang-peluang teknologi maklumat disusuli dengan cepatnya dalam mesyuarat para menteri ekonomi Asean (AEM) hari ini di sini. Ia mencadangkan agar para menteri mendayausahakan satu kajian mengenai cadangan Dr Mahathir untuk diwujudkan Perdagangan Elektronik Asean Sejagat (AGEC).

Setiausaha perdagangan dan perusahaan Filipina, Cesar B Bautista berkata para menteri mesti mengkaji idea itu kerana "terdapat banyak aplikasi yang perlu difahami oleh setiap negara".

"Perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat AEM ialah anggota-anggota Asean perlu membuat kerja rumah kerana AGECE akan menjadi satu mekanisme yang kuat untuk perdagangan pada masa depan," katanya kepada pemberita semasa mesyuarat berhenti rehat untuk makan tengah hari.

Satu kajian menyeluruh, katanya, diperlukan untuk memastikan perdagangan elektronik intra-rantau berkembang dengan setimpalnya.

"Asean juga mahu memastikan ia tidak akan menuju ke arah mengatasi pedagang dan pekilang tempatan," katanya.

Dalam ucapan pembukaannya, Dr Mahathir berkata kumpulan itu perlu merebut segala faedah daripada ledakan teknologi maklumat di peringkat awal lagi "sebelum kita terlambat untuk mengejar pembangunan yang besar dan pantas ini."

"Asean perlu memastikan prinsip-prinsip rangka kerja perdagangan elektronik tidak merugikan pertubuhan itu tetapi membolehkan kita untuk meraih faedah secara maksimum. Kita tidak boleh nafikan kita memerlukan hasil pendapatan dan kebanyakan daripada hasil pendapatan ini adalah daripada aktiviti-aktiviti komersil," katanya.

Cesar berkata Asean perlu mengkaji kepentingan "rancangan masa depan ini," dan kemungkinan kesannya kepada ekonomi masa depan kumpulan itu.

Beliau berkata: "Kita tidak seharusnya bersetuju untuk tidak menggalakkannya kerana perdagangan elektronik boleh membuat perniagaan berkembang di dalam kawasan Asean.

"Kita mesti pasti bahawa ia (AGEC) adalah berdaya saing untuk industri-industri Asean."

Cesar juga berkata adalah mungkin bagi lebih banyak pandangan untuk muncul sebelum mesyuarat AEM pada September depan, dan juga dalam forum-forum lain seperti Sidang Puncak Asean di Kuala Lumpur pada Disember.

Mengenai Kawasan Pelaburan Asean, seorang pegawai di kementerian perdagangan Thailand berkata bahawa sebuah syarikat Asean mesti mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti untuk menjalankan sebarang kegiatan perniagaan di kawasan itu.

"Bagaimanapun, satu perkara telah dibangkitkan tentang bagaimana untuk mentakrifkan sebuah syarikat Asean yang tulen," kata Karun Kittisataporn, ketua pengarah di jabatan ekonomi perniagaan, kementerian perdagangan. --
BERNAMA

RIZ SIA